



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

KPDN PAHANG KOMITED BANTU MENGURUSKAN BEKALAN BARANG KAWALAN DAN KEPERLUAN ASAS DALAM MENGHADAPI MUSIM TENGGUJUH

KUANTAN, 2 DISEMBER 2023 – Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fuziah Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah melakukan sesi *walkabout* di **Karnival Jualan RAHMAH Negeri Pahang** yang diadakan di **Dataran Sayangi Kuantan**, bersebelahan **Majlis Bandaraya Kuantan, Pahang Darul Makmur**.

2. Karnival Jualan RAHMAH Negeri Pahang Tahun 2023 yang diadakan di Dataran Sayangi Kuantan diadakan dengan kerjasama strategik bersama Pasar Raya AEON Big Kuantan, Pasar Raya Jaya Gading, FAMA Pahang dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pahang, yang menawarkan sehingga **60 item barang keperluan harian** yang terdiri daripada barangan kering dan basah yang ditawarkan dengan **harga 10 hingga 30 peratus lebih murah daripada harga pasaran**.

3. Antara barang-barang lain yang dijual dan ditawarkan adalah seperti **telur ayam, minyak masak 2 kg & 5 kg, tepung gandum, biskut, milo, bawang besar, susu pekat, bihun, maggi, sardin, kicap manis, cecair pencuci pinggan, sabun basuh baju, sos cili dan tomato, sayur-sayuran, ikan, buah-buahan dan lain-lain barangan keperluan asas**.

4. Program ini berlangsung selama dua (2) hari bermula 2 hingga 3 Disember 2023 (Sabtu dan Ahad), jam **9.00 pagi hingga 6.00 petang** dan dijangka dapat memberi manfaat kepada lebih lima ribu pengunjung. Untuk makluman, **ayam standard dengan anggaran berat 1.7 kilogram dijual pada harga RM10.00 seekor** dan telur ayam gred B pula dijual pada harga **RM10.00 sepapan berbanding harga siling RM12.90 sepapan**.

5. Sehingga 2 Disember 2023, **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Pahang** telah melaksanakan **Program Jualan RAHMAH** di sebanyak **376 lokasi** di seluruh **14 parlimen dan 42 DUN di Negeri Pahang**. Pecahan mengikut model iaitu di **dalam premis sebanyak 190 lokasi**, di **luar premis sebanyak 30 lokasi** dan **secara bergerak sebanyak 156 lokasi**.

6. Selain daripada itu, **Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fuziah Salleh** turut mengadakan lawatan kerja ke **syarikat pemborong Golden HP Agency** di Bandar Indera Mahkota. Tujuan lawatan ini adalah untuk melihat kesiapan syarikat Pemborong yang merupakan **Pemegang Stok Mini Terpilih** yang telah dilantik oleh KPDN bagi memastikan bekalan barang kawalan dan barangan keperluan pengguna mencukupi dalam menghadapi musim tengkujuh. Mereka telah diberi kebenaran untuk menambah had simpanan barang kawalan sebanyak **lebih 30% dari had simpanan sedia ada** yang dibenarkan di dalam lesen CSA sehingga berakhirnya musim tengkujuh. Untuk rekod, **Negeri Pahang telah melantik sebanyak 99 Pemegang Stok Mini Terpilih** dari kalangan pemborong dan peruncit. KPDN Pahang juga telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Kecil Bekalan dan Pusat Pemindahan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi **membantu menguruskan bekalan barang kawalan dan keperluan asas dalam menghadapi musim tengkujuh**.

7. **KPDN Negeri Pahang** merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat di atas komitmen yang mampan sepanjang menjayakan **Program Jualan RAHMAH** ini bagi membantu golongan yang memerlukan dalam meringankan beban kos sara hidup mereka khususnya di Negeri Pahang.

**YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH SALLEH ,
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP,
KUANTAN, PAHANG, 2 DISEMBER 2023.**

###

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam Negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampai sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam mengurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:

